

ILUSTRASI DALAM BUKU CERITA KANAK-KANAK:
SATU KAJIAN TERHADAP PERANANYA DALAM
MEMBENTUK TAHAP PEMIKIRAN
KANAK-KANAK

NIK MARHAINI BT. NIK HASSAN
90116033

DIPLOMA IN GRAPHIC DESIGN
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM

SESSI JULAI 1990 / 1994

KANDUNGAN

Penghargaan

Sinopsis

TOPIK

BAB SATU 1 - 11

1.0 Pendahuluan

1.1 Definasi Ilustrasi. (Apa itu ilustrasi ?) 1 - 7

1.1.1 Katogeri Ilustrasi. 8 - 11

BAB DUA 12 - 23

2.0 **PSYCHOLOGY DAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK.**

2.1 Perkembangan Senireka. 12 - 14

2.2 Perkembangan kanak-kanak dalam seni. 15 - 16

2.3 Peringkat manipulasi dari sekolah tadika dan tahun satu. 17 - 21

2.4 Peringkat Awal Pra-remaja (lebih kurang tahun tiga hingga enam). 22 - 23

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnianya telah memberikan petunjuk dan inspirasi kepada saya di dalam menulis dan menyiapkan laithan ilmiah ini.

Jutaan terima kasih saya kepada Dr. Abdul Shukor dan Dr. Ahmad Haji Zainuddin selaku penasihat saya dan panyarah-pensyarah lain yang sudi serta turut terlibat dalam memberi pendapat dan nasihat dalam usaha saya untuk menyiapkan tesis ini.

Terima kasih juga yang tidak terhingga kepada En.

(Ayahanda) dan

yang telah banyak memberi dorongan, sumbangan, nasihat dan sebagainya di sepanjang pengajian saya di Instituti Teknologi Mara ini, juga ditujukan kepada semua ahli keluarga teristimewa abang dan adik tersayang yang sentiasa memberi galakan dan sokongan moral.

SINOPSIS

Tesis ini memperkatakan tentang betapa pentingnya 'ilustrasi' di dalam buku cerita kanak-kanak diperingkat pra sekolah. Kajian ini telah dilakukan terhadap kanak-kanak di peringkat pra sekolah mengikut tahap umur tertentu iaitu dari umur tujuh hingga sembilan tahun dan dari umur sepuluh hingga dua belas tahun.

Tesis ini adalah bertujuan untuk menarik perhatian kanak-kanak supaya gemar membaca serta dapat menyematkan minat membaca di kalangan mereka. Kebiasaannya buku-buku cerita yang menjadi tumpuan kanak-kanak adalah yang mempunyai banyak gambar sama ada berwarna atau hitam putih. Kanak-kanak lebih sukakan ^{ke} pada bahan bacaan yang bergambar ~~dari~~ berbanding dengan teks.

Dengan ini secara tidak langsung, kita dapat menyelidik tentang psikologi dan perkembangan kanak-kanak, bahan bacaan kanak-kanak, media ilustrasi dan bahan yang digunakan untuk ^{menyediakan} ~~membuat~~ buku. Pengkajian terhadap perbandingan ilustrasi diantara buku tempatan dan luar negeri juga disentuh kerana ia juga banyak mempengaruhi minat kanak-kanak untuk membaca.

1.1 DEFINASI ILUSTRASI (APA ITU ILUSTRASI).

Ilustrasi boleh didefinasikan sebagai gambaran yang boleh membantu sesuatu makna atau maksud terhadap satu perkataan, ayat dan perenggan atau seluruh bahan bacaan.

Menurut pendapat Encik Mohamed Ali, "Ilustrasi adalah suatu hasil lukisan yang membantu atau menerangkan dengan lebih jelas sesuatu keadaan atau cerita, penulisan atau komunikasi sementara lukisan pula adalah idea atau pemikiran yang diliputi dengan garisan".¹

Disamping itu ilustrasi juga dikatakan sebagai menerangkan sesuatu di mana ianya diambil dari perkataan "illustrate". Ilustrasi menerangkan serta menggambarkan dengan jelas tentang apa yang terkandung di dalam teks-teks yang selampir dengannya.

1. Temubual Encik Mohamed Ali,
Ketua Unit (Bahagian Reka Bentuk)
Dewan Bahasa dan Pustaka.